

KEMUDAHAN PENGINAPAN RUMAH DAN BILIK TETAMU

LATARBELAKANG SAC

PUSAT PENGINAPAN PELAJAR atau lebih dikenali sebagai SAC adalah sebuah Pusat Tanggungjawab yang mengendalikan perkhidmatan pelajar yang meliputi penginapan, perkhidmatan Sajian dan pentadbiran yang berkaitan secara langsung tentang hal ehwal pelajar.

Oleh kerana penginapan merupakan perkhidmatan yang paling utama maka SAC telah mengorak langkah untuk menyediakan perkhidmatan Rumah dan Bilik Tetamu bagi menampung permintaan yang tinggi daripada tetamu Universiti semasa menjalankan urusan rasmi atau persendirian disamping menikmati keindahan UUM yang telahpun dimajukan sebagai daya tarikan pelancong untuk wilayah utara seperti kawasan perkelahan, padang golf, litar go-kart, taman rusa dan ekuestrian.

KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN OLEH SAC

Di bawah kendalian SAC, terdapat 15 buah Dewan Penginapan Pelajar (DPP) yang mana setiap DPP mempunyai kapasiti muatan pelajar sebanyak 900 orang (minima) sehingga 2000 orang (maksima). DPP-DPP ini menerima tempahan bagi



sebarang acara atau aktiviti dari pihak luar terutama pada cuti semester. Ini kerana setiap DPP mempunyai kemudahan rekreasi seperti gelanggang permainan futsal, voleyball dan sebagainya, makmal computer, kemudahan internet, dan kemudahan perkhidmatan dobi. Selain dari itu kemudahan dewan seminar, dewan makan juga disediakan

Sementara itu, SAC juga menyediakan kemudahan 14 buah rumah tetamu yang selesa bagi kegunaan individu atau pun dari organisasi luar yang mana perkhidmatan rumah tetamu ini adalah lengkap dengan kemudahan 3 bilik tidur, sofa, meja makan, almari, almari solek, microwave, cerek elektrik, seterika dan TV. Kemudahan yang disediakan ini adalah selesa dan memuaskan.

Sebarang pertanyaan dan tempahan boleh dialamatkan kepada:

Pengarah

Pusat Penginapan Pelajar (SAC)

Jab. Hal Ehwal Pelajar

Universiti Utara Malaysia

06010, Sintok.

Tel: 04 9284166/4150

Fax: 04 9284175/4176

**Semua maklumat adalah benar
pada masa ianya dicetak*



Pusat Penginapan Pelajar
STUDENTS' ACCOMMODATION CENTRE
Universiti Utara Malaysia



SELAMAT DATANG/WELCOME



***RUMAH TETAMU**

MAKLUMAT RUMAH DAN BILIK TETAMU PUSAT PENGINAPAN PELAJAR

Rumah dan Bilik Tetamu SAC

Penginapan yang disediakan oleh pihak SAC adalah selesa dan kami menyediakan penginapan yang “kondusif” dan terbaik kepada tetamu samada dari pengguna UUM sehingga lah kepada dari organisasi luar yang memerlukan perkhidmatan penginapan sepanjang berada di dalam kampus.

Kadar sewa yang dikenakan adalah amat berpatutan jika dibandingkan dengan perkhidmatan yang disediakan. Maklumat ,kadar harga dan jenis rumah adalah seperti dibawah:

1. Permohonan tempahan Rumah dan Bilik Tetamu boleh dibuat pada bila-bila masa mengikut kepada ketersediaan bilik dan kekosongan yang ada.
2. Penginapan Rumah Tetamu adalah maksima seramai 6 orang (mengikut jenis rumah).
3. Penginapan Bilik Tetamu adalah maksima seramai 4 orang sebilik.
4. Kadar sewa adalah seperti berikut

RUMAH TETAMU:

A) Rumah Tetamu (Banglo setingkat) untuk penginapan 4 orang (1 malam):

Staf UUM RM100

Kakitangan Kerajaan RM110

Swasta/perseorangan RM120

B) Rumah Tetamu (Banglo dua tingkat) untuk penginapan 6 orang (1 malam):

Staf UUM RM140

Kakitangan Kerajaan RM150

Swasta/perseorangan RM160

C) Rumah Tetamu (Teres) untuk penginapan 6 orang (1 malam)

Staf UUM RM100

Kakitangan Kerajaan RM110

Swasta/perseorangan RM120

BILIK TETAMU:

Pelajar sekolah dan IPT:

Dengan cadar dan sarung bantal RM8.00

Orang Perseorangan:

Dengan cadar dan sarung bantal RM20.00

5. Masa “Check in” dan “Check out”:

Check in : 12.00 PM

Check Out : 12.30 PM

“Late Check Out”: 2.00 PM

6. Semua tetamu adalah terpakai dengan peraturan penginapan yang ditetapkan oleh pihak Universiti dan caj sebarang kerosakan atau kehilangan adalah berdasarkan kepada harga semasa peralatan atau aset yang berkenaan.

PERMOHONAN

CARA MEMOHON DAN BAYARAN

Tuan/puan boleh membuat tempahan dengan cara:

1. Datang sendiri;
2. Melalui Telefon;
3. Menghantar surat permohonan; atau
4. Melalui laman web SAC:
<http://www.sac.uum.edu.my/>
5. Bayaran boleh dibuat secara tunai atau LPO atau pindahan vot.

***BILIK TETAMU**



**“KEMUDAHAN TERBAIK DARI KAMI
UNTUK ANDA”**